



**KERAJAAN MALAYSIA**

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2008**

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN  
LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
ARAS 2-7, BLOK K, PUSAT BANDAR DAMANSARA  
50782 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2094 7033  
Fax : 03-2094 0892

---

Rujukan Kami : KPKT(02) 799/6 Klt.7( 36 )

Tarikh : 30 Mei 2008

---

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN  
BILANGAN 2 TAHUN 2008**

---

**GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN  
LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

**TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi penjelasan dan panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang pelaksanaan penambahbaikan proses pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit hotel. **Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel** adalah seperti di **Lampiran** kepada pekeliling ini.

**LATAR BELAKANG**

2. Berdasarkan amalan semasa, peniaga hanya boleh memulakan perniagaan sebaik sahaja lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT. Tempoh masa kelulusan lesen perniagaan oleh PBT pada masa kini adalah antara 14 hingga 21 hari manakala pembaharuan lesen disediakan serta merta. Malah dalam sesetengah kes, tempoh masa kelulusan perniagaan ini boleh berlanjutan sehingga 1 bulan ataupun lebih. Amalan ini menimbulkan kesulitan kepada

peniaga kerana terpaksa menunggu sehingga lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT sebelum dapat memulakan perniagaan mereka, sedangkan deposit dan sewaan premis telah dibayar.

3. Mengikut amalan sekarang, setiap lesen perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT hanya sah dalam tempoh setahun sahaja dan akan tamat tempohnya pada 31 Disember setiap tahun. Tempoh sah laku ini agak singkat dan menimbulkan kesulitan kepada peniaga kerana perlu memperbaharui lesen perniagaan mereka sebelum 31 Disember setiap tahun. Di samping itu, ada lesen yang dikeluarkan, umpamanya pada bulan Ogos, September dan seterusnya masih dikenakan dengan kadar penuh, sedangkan mereka baru menjalankan perniagaan.

4. Lesen komposit hotel pula dikeluarkan mengikut jumlah lesen yang dipohon dan setiap lesen tertakluk kepada kadar bayaran tertentu seperti yang telah ditetapkan oleh PBT. Terdapat lebih kurang 15 jenis lesen yang perlu dipohon di bawah lesen komposit hotel ini. Amalan ini juga menimbulkan kesulitan kepada pengusaha hotel kerana perlu mengenal pasti terlebih dahulu aktiviti-aktiviti perniagaan yang hendak dijalankan sebelum permohonan lesen komposit hotel dikemukakan kepada PBT. Sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti perniagaan yang baru, pengusaha hotel perlu memohon lesen perniagaan yang baru dan akan digabungkan dengan aktiviti-aktiviti perniagaan terdahulu apabila permohonan pembaharuan lesen komposit hotel dikemukakan pada tahun berikutnya.

### **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

5. Dengan mengambil kira kelemahan dalam amalan sedia ada, maka **3 penambahbaikan** telah dicadangkan seperti berikut:

- (i) peniaga boleh terus memulakan perniagaan sebaik sahaja membuat permohonan lesen dan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT;

- (ii) tempoh sah laku lesen perniagaan dipanjangkan sehingga 3 tahun; dan
- (iii) lesen komposit hotel dikeluarkan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel.

6. Ketiga-tiga penambahbaikan di atas telahpun diluluskan oleh **mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-59 (MNKT Ke-59) pada 2 Oktober 2007.**

## **PENGGUNAAN GARIS PANDUAN**

7. **Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan Dan Lesen Komposit Hotel** yang dilampirkan bersama pekeliling ini akan menerangkan tentang kaedah pelaksanaan ketiga-tiga penambahbaikan tersebut yang antara lainnya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (i) carta alir proses kelulusan lesen perniagaan yang meliputi proses-proses utama yang terlibat serta tempoh masa yang ditetapkan;
- (ii) jenis perniagaan yang boleh diberikan kelulusan di bawah penambahbaikan ini;
- (iii) aktiviti-aktiviti perniagaan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel;
- (iv) contoh borang permohonan lesen perniagaan yang seragam;
- (v) contoh cadangan lesen komposit hotel;
- (vi) keperluan PBT untuk meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing bagi membolehkan tempoh sah laku lesen perniagaan dilanjutkan sehingga 3 tahun; dan

- (vii) keperluan PBT untuk menyediakan satu jadual kadar bayaran lesen komposit hotel berdasarkan UUK masing-masing.

### **TARIKH KUATKUASA**

8. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

### **PENUTUP**

9. Pemakaian peruntukan pekeling ini dipanjangkan kepada semua PBT.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(DATO' AHMAD FUAD BIN ISMAIL)**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

30 Mei 2008

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua  
Pihak Berkuasa Tempatan

Lampiran Kepada

Pekeliling Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Bilangan 2 Tahun 2008

GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN  
LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL

*Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan*

## **GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN DAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

### **TUJUAN**

1. Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan penambahbaikan proses pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit hotel.

### **LATAR BELAKANG**

2. Jemaah Menteri di dalam mesyuaratnya pada **20 Jun 2007** telah membangkitkan mengenai masalah pengusaha hotel yang perlu memohon pelbagai lesen yang berbeza-beza semasa mengemukakan permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan dari PBT. Walaupun lesen komposit telah dilaksanakan sejak tahun 1991, pelaksanaannya didapati kurang berkesan dan perlu diperbaiki. Prosedur-prosedur yang terlibat di dalam proses memberi kelulusan perlu dikurangkan ke tahap yang paling minima, memandangkan dalam keadaan sekarang, lesen perniagaan lambat dikeluarkan. Berikutan dengan itu, Nota Jemaah Menteri berhubung dengan pelaksanaan lesen komposit hotel oleh PBT telah dibentangkan pada **25 Julai 2007**. Jemaah Menteri telah dimaklumkan mengenai peranan PBT dalam meluluskan lesen untuk aktiviti tersebut serta cadangan penambahbaikan pengeluaran lesen perniagaan.

### **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN**

3. Seterusnya mesyuarat **Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-59 (MNKT Ke-59)** pada **2 Oktober 2007** bersetuju:

- (i) supaya peniaga boleh terus memulakan perniagaan sebaik sahaja membuat permohonan lesen dan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan dikeluarkan oleh PBT;

- (ii) supaya tempoh sah laku lesen perniagaan dipanjangkan sehingga 3 tahun; dan
- (iii) supaya lesen komposit hotel dikeluarkan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel.

**Peniaga Boleh Terus Memulakan Perniagaan Sebaik Sahaja Permohonan Dibuat Dan Akuan Penerimaan Permohonan Lesen Perniagaan Dikeluarkan Oleh PBT**

4. Peniaga boleh terus memulakan perniagaan mereka sebaik sahaja permohonan dibuat serta mendapat **akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan** daripada PBT. Ini termasuklah permohonan lesen perniagaan bagi perniagaan di kompleks membeli-belah, *hypermarket* dan *supermarket*. Dengan erti kata lain, peniaga boleh menyiapkan premis perniagaan yang perlu bagi memulakan perniagaan sementara menunggu lesen perniagaan diluluskan oleh PBT. **Lesen perniagaan boleh dikeluarkan oleh PBT dalam tempoh 7 hari selepas permohonan dibuat.**

5. Tempoh 60 hari (2 bulan) diberikan kepada pemohon untuk mematuhi syarat-syarat penyiapan premis perniagaan. **PBT hendaklah menyediakan senarai semak yang mengandungi syarat-syarat penyiapan premis perniagaan yang perlu dipatuhi oleh peniaga berkenaan dalam tempoh tersebut.** Senarai semak tersebut hendaklah dikeluarkan bersama akuan penerimaan permohonan lesen.

6. Penguatkuasaan boleh diambil jika pemilik premis perniagaan berkenaan gagal menunjukkan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan, iaitu peniaga menjalankan perniagaan tanpa memohon lesen perniagaan terlebih dahulu. Penguatkuasaan juga boleh dilakukan sekiranya ia melibatkan perniagaan haram seperti contoh perniagaan spa yang didapati turut mengendalikan aktiviti-aktiviti kurang sihat.

7. Carta alir bagi proses kelulusan ini adalah seperti di **Lampiran 1.**



8. Jika terdapat ketidakpatuhan selepas lesen dikeluarkan dan selepas 60 hari (2 bulan), PBT boleh membatalkan ataupun menggantung lesen tersebut. Seksyen 107(2), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menyatakan bahawa setiap lesen ataupun permit yang diberi adalah tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan yang difikirkan patut oleh PBT dan boleh dibatalkan oleh PBT pada bila-bila masa tanpa memberi apa-apa sebab. Dalam tempoh penggantungan lesen tersebut, peniaga boleh mengambil tindakan untuk memenuhi syarat-syarat lesen sebelum lesen dikeluarkan semula.

9. Bagi memastikan aktiviti perniagaan ini tidak menimbulkan masalah kacau ganggu serta memudahkan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan oleh PBT maka **kelulusan ini hanya dihadkan kepada aktiviti-aktiviti perniagaan yang tidak berisiko tinggi** seperti senarai di **Lampiran 2**. Senarai ini boleh disemak dan ditambah dari semasa ke semasa.

10. Senarai aktiviti-aktiviti perniagaan yang berisiko tinggi adalah seperti senarai di **Lampiran 3**. Senarai ini juga boleh disemak dan ditambah dari semasa ke semasa.

11. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan di PBT hendaklah mengadakan mesyuarat **sekurang-kurangnya 2 kali sebulan**.

**Tempoh Sah Laku Lesen Perniagaan Dilanjutkan Sehingga 3 Tahun Dan Tarikh Sah Laku Lesen Perniagaan Bermula Dari Tarikh Permohonan Tersebut Dibuat**

12. Peniaga diberi pilihan sama ada untuk memohon lesen selama setahun ataupun terus sehingga 3 tahun seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 107(4), Akta 171. Selain daripada itu, tarikh sah laku lesen adalah bermula dari tarikh permohonan tersebut dibuat seperti yang diamalkan bagi permohonan lesen memandu. Sebagai contoh, lesen yang dipohon pada 2 Jun 2007 akan tamat tempohnya pada 1 Jun 2008, iaitu bagi lesen yang dipohon untuk tempoh setahun ataupun 1 Jun 2010, iaitu bagi lesen yang dipohon untuk tempoh 3 tahun.

13. PBT perlulah meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Tred, Perniagaan dan Perindustrian masing-masing bagi membolehkan pembaharuan lesen dibuat pada tarikh tersebut.

#### **Lesen Komposit Hotel Dikeluarkan Berdasarkan Taraf Bintang Sesebuah Hotel**

14. Lesen komposit hotel adalah dikeluarkan dengan mengkompositkan aktiviti-aktiviti perniagaan yang ditentukan berdasarkan taraf bintang sesebuah hotel yang telah ditetapkan. Aktiviti-aktiviti ini adalah *standard* seperti di **Lampiran 4**.

15. Cadangan lesen komposit hotel mengikut taraf bintang ini tidak melibatkan aktiviti penjualan minuman keras kerana ia dilesenkan oleh Pejabat Daerah. Walau bagaimanapun bagi aktiviti hiburan, ia boleh dikompositkan sekiranya terdapat perwakilan kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) kepada PBT berkenaan. Contoh borang permohonan lesen komposit hotel yang dicadangkan adalah seperti di **Lampiran 5**. Borang ini juga boleh digunakan bagi tujuan permohonan untuk lain-lain lesen perniagaan.

16. Bagi memastikan bayaran yang dikenakan kepada lesen komposit mengikut taraf bintang ini tidak mengurangkan hasil pendapatan daripada pelesenan yang dikutip oleh PBT, **pihak PBT akan menyediakan satu jadual kadar bayaran berdasarkan kadar bayaran yang telah ditetapkan di bawah UUK masing-masing**.

17. Penetapan kadar bayaran lesen mengikut taraf bintang akan sekaligus membantu pengusaha hotel mengenal pasti jumlah bayaran bagi memohon lesen komposit hotel. Contoh lesen komposit yang dicadangkan berdasarkan taraf bintang hotel serta melibatkan satu bayaran lesen sahaja adalah seperti di **Lampiran 6**.


## **PENUTUP**

18. Cadangan penambahbaikan ini menekankan konsep *self disclosure* ataupun *self regulation* di mana pemohon akan lebih bertanggungjawab dalam memastikan setiap syarat pelesenan dipatuhi terlebih dahulu sebelum memohon lesen daripada PBT. Sehubungan dengan itu, penyediaan garis panduan ini akan memudahkan pelaksanaan penambahbaikan proses pengeluaran lesen perniagaan dan lesen komposit hotel oleh PBT seperti yang telah diputuskan dalam mesyuarat MNKT Ke-59.

**Jabatan Kerajaan Tempatan  
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan  
30 Mei 2008**

**Lampiran 1**

**Carta Alir Proses Permohonan  
Lesen Perniagaan**



### Keterangan Bagi Setiap Proses Yang Terlibat

Peringkat	Proses Yang Terlibat	Catatan
1.	Pemohon mengemukakan permohonan kepada PBT.	Menggunakan borang seperti di <b>Lampiran 5</b> . Borang boleh diperolehi melalui laman web ataupun di kaunter PBT.
2.	PBT menerima borang permohonan.	Borang permohonan boleh dikemukakan di kaunter PBT ataupun secara <i>online</i> .
3.	PBT menyemak borang permohonan dan sekiranya lengkap, <b>akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan dikeluarkan serta merta</b> beserta <b>syarat-syarat penyiapan premis perniagaan</b> .	PBT hendaklah memastikan akuan tersebut hanya diberikan kepada jenis perniagaan yang tidak berisiko tinggi seperti di <b>Lampiran 2</b> .
4.	Pemohon <b>boleh terus memulakan perniagaan</b> sebaik sahaja akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan diterima daripada PBT.	Pemohon diberi tempoh <b>60 hari (2 bulan)</b> untuk menyiapkan premis perniagaan berdasarkan syarat-syarat penyiapan premis perniagaan yang telah ditetapkan.
5.	PBT mengeluarkan lesen perniagaan dalam <b>tempoh 7 hari</b> .	PBT boleh mengeluarkan lesen perniagaan tersebut <b>serta merta</b> .
6.	Pemohon menerima lesen perniagaan dan membuat bayaran.	Tempoh sah laku lesen adalah <b>1 hingga 3 tahun tertakluk kepada permohonan</b> . Kadar bayaran lesen perniagaan ditetapkan oleh PBT berdasarkan UUK masing-masing.

Peringkat	Proses Yang Terlibat	Catatan
7.	Jabatan Teknikal akan membuat siasatan dalam tempoh hari 60 hari (2 bulan) dan seterusnya menyediakan kertas mesyuarat untuk Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan PBT	<p>Penguatkuasaan boleh diambil jika <b>pemilik premis perniagaan berkenaan gagal menunjukkan akuan penerimaan permohonan lesen perniagaan, iaitu peniaga menjalankan perniagaan tanpa memohon lesen perniagaan terlebih dahulu.</b></p> <p>Penguatkuasaan juga boleh dilakukan <b>sekiranya ia melibatkan perniagaan haram seperti contoh perniagaan spa yang didapati turut mengendalikan aktiviti-aktiviti kurang sihat.</b></p>
8.	Jawatankuasa Pelesenan PBT mengadakan mesyuarat dan <b>sekiranya terdapat sebarang ketidakpatuhan, PBT boleh membatalkan dan menggantung lesen perniagaan.</b>	<p>Ketidakpatuhan adalah kepada syarat-syarat penyiapan premis perniagaan.</p> <p>Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan di PBT hendaklah diadakan <b>sekurang-kurangnya 2 kali sebulan.</b></p>
9.	PBT memaklumkan kepada pemohon sebab-sebab lesen dan digantung.	Pemohon <b>diberi peluang untuk mematuhi semula syarat-syarat penyiapan premis perniagaan sebelum dibenarkan berniaga semula.</b>

## Lampiran 2

### Jenis Perniagaan Yang Tidak Berisiko Tinggi

<b>Bil</b>	<b>Jenis Perniagaan</b>
1.	Aerobik
2.	Agensi Pekerjaan
3.	Agensi Pelancongan
4.	<i>Bowling</i>
5.	Gerai Berkunci (Gerai Makan)
6.	Gerai Dalam Restoran
7.	Gimnasium
8.	<i>Golf Driving Range</i> (Luar Bangunan)
9.	Kantin Sekolah
10.	Kedai Ais Krim
11.	Kedai Aksesori Kereta
12.	Kedai Aksesori Wanita
13.	Kedai Akuarium
14.	Kedai Alat-Alat / Kelengkapan Muzik
15.	Kedai Alat-Alat Sukan
16.	Kedai Andaman dan Pakaian Pengantin
17.	Kedai Barang Hiasan
18.	Kedai Barang Kemas dan Permata
19.	Kedai Barangan Elektrik
20.	Kedai Barangan Keperluan Bayi
21.	Kedai Barangan Plastik dan Pinggan Mangkuk
22.	Kedai Barang-Barang Runcit
23.	Kedai Batu Nisan dan Keranda
24.	Kedai Beg
25.	Kedai Binatang Peliharaan
26.	Kedai Bingkai Gambar
27.	Kedai Bot / Jet Ski
28.	Kedai Buah-Buahan / Sayuran
29.	Kedai Buku dan Alat Tulis
30.	Kedai Bunga-Bunga
31.	Kedai Butik / Pakaian Fesyen
32.	Kedai Cermin Mata (Optik)
33.	Kedai Daging
34.	Kedai Dobi
35.	Kedai Fotostat
36.	Kedai Gambar
37.	Kedai Gunting Rambut
38.	Kedai Jahit Pakaian
39.	Kedai Jam
40.	Kedai Jubin
41.	Kedai Kaset, Pita Video / Rekod (Penjualan / Penyewaan)
42.	Kedai Kasut

<b>Bil</b>	<b>Jenis Perniagaan</b>
43.	Kedai Kelengkapan Bilik Mandi
44.	Kedai Kereta / Motosikal
45.	Kedai Kerinting Rambut / Salun Pemandan Rambut
46.	Kedai Komputer
47.	Kedai Kopi / Kafe
48.	Kedai Kraftangan / Cenderamata
49.	Kedai Kuih Muih
50.	Kedai Kunci
51.	Kedai Mainan Kanak-kanak
52.	Kedai Makan / Restoran
53.	Kedai Membaiki Kasut
54.	Kedai Membaiki Paip ( <i>Plumbing</i> )
55.	Kedai Perabot
56.	Kedai Peralatan Keagamaan
57.	Kedai Peralatan Kesihatan
58.	Kedai Peralatan Makmal / Saintifik
59.	Kedai Peralatan Rumah / Dapur
60.	Kedai Perhiasan Lampu
61.	Kedai Permaidani
62.	Kedai Produk Kesihatan / Makanan Kesihatan
63.	Kedai Roti / Kek
64.	Kedai Sekolah Jahitan
65.	Kedai Tayar dan Bateri / Caj Bateri
66.	Kedai Telefon / Aksesori
67.	Kedai Ubat / Farmasi
68.	Pengurusan Makanan (Katering)
69.	Perhotelan (Termasuk Aktiviti Perniagaan Di Dalamnya)
70.	Permainan Futsal
71.	Pusat Rakaman Video
72.	Pusat Studio Muzik / Rakaman
73.	Sekolah Persendirian, Insititut, Tadika dan Lain-Lain Institusi Pelajar
74.	Sekolah Tari Menari dan Model

**\* Catatan – PBT boleh mencadangkan lain-lain aktiviti perniagaan sekiranya tidak berisiko tinggi**



### Lampiran 3

#### Jenis Perniagaan Yang Berisiko Tinggi

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Perniagaan</b>
1.	Kerja-Kerja Kimpalan
2.	Kerja-Kerja Pecah Batu
3.	Kerja-Kerja Pertukangan
4.	Kerja-Kerja Sadur Elektrik
5.	Kilang Membuat Alat Tulis
6.	Kilang Membuat Asid, Alkali, Pelarut Damar, Pelekat, Baja dan Racun Serangga
7.	Kilang Membuat Badan Motorsikal / Kereta / Enjin Kereta
8.	Kilang Membuat Bahan Pengilap
9.	Kilang Membuat Barang Elektrik dan Elektronik
10.	Kilang Membuat Barangan Getah
11.	Kilang Membuat Barangan Kaca dan Gentian
12.	Kilang Membuat Barangan Logam
13.	Kilang Membuat Barangan Plastik
14.	Kilang Membuat Basikal
15.	Kilang Membuat Batu Jubin / Marmar dan Berkaitan
16.	Kilang Membuat Batu-Bata
17.	Kilang Membuat Botol
18.	Kilang Membuat Cat
19.	Kilang Membuat Dadah / Ubat dan Keluaran Farmasi
20.	Kilang Membuat Dakwat
21.	Kilang Membuat Emas, Perak, Tembaga dan Pewter
22.	Kilang Membuat Kabel dan Wayar
23.	Kilang Membuat Kapur dan Tembikar
24.	Kilang Membuat Kertas
25.	Kilang Membuat Lilin dan Gam
26.	Kilang Membuat Makanan dan Minuman
27.	Kilang Membuat Minyak
28.	Kilang Membuat Pakaian
29.	Kilang Membuat Perabot
30.	Kilang Membuat Sabun
31.	Kilang Membuat Serbuk dan Bahan Pencuci
32.	Kilang Membuat Tayar dan Tiub
33.	Kilang Membuat Ubat Gigi
34.	Kilang Membuat Ubat Nyamuk
35.	Kilang Membuat / Menjual / Menyimpan Simen Secara Borong
36.	Kilang Membuat / Menyimpan / Menjual Mercun dan Bahan Letupan
37.	Kilang Membuat / Menyimpan / Memborong Barang Kimia (Industri dan Pertanian)
38.	Lain-lain Aktiviti Kilang Yang Boleh Menghasilkan Sisa Buangan dan Bunyi Bising
39.	Mengumpul dan Menyimpan Barang Tidak Berguna / Barang Lusuhan

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Perniagaan</b>
40.	Menjual dan Menyimpan Bahan Berbahaya Yang Mudah Terbakar
41.	Menyembur Cat dan Bahan Kimia
42.	Pemasangan Kereta / Motorsikal / Jentera dan Lain-Lain Kenderaan
43.	Pembersihan Logam-Logam Melalui Proses Asid
44.	Perjudian Sport Toto, Empat Ekor dan <i>Big Sweep</i>
45.	Rumah Bersalin dan Sakit Swasta
46.	Stesen Mengisi Petrol dan Servis
47.	Stesen Minyak Sahaja
48.	Stor Perusahaan Berbahaya, Petroleum, Minyak Pelincir dan Minyak

**\* Catatan – PBT boleh mencadangkan lain-lain aktiviti perniagaan sekiranya berisiko tinggi**

**Aktiviti-Aktiviti Perniagaan  
Berdasarkan Taraf Bintang Sesebuah Hotel**

**Hotel**

**(i) 5 Bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Restoran / *coffee house*
- g. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- h. Tempat letak kereta
- i. Dobi
- j. *Health club* / gimnasium / sauna / kemudahan *outdoor* dan *indoor*
- k. Salon kecantikan
- l. Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
- m. Papan iklan premis perniagaan

**(ii) 4 Bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Dewan pementasan bagi aktiviti hiburan
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Restoran / *coffee house*
- g. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa

- h. Tempat letak kereta
- i. Dobi
- j. *Health club* / gimnasium / sauna / kemudahan *outdoor* dan *indoor*
- k. Kedai menjual surat khabar, buku, poskad, filem, rokok, ubat dan cenderamata
- l. Papan iklan premis perniagaan

**(iii) 3 Bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Restoran / *coffee house*
- e. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- f. Tempat letak kereta
- g. Dobi
- h. Kedai menjual surat khabar, buku dan poskad
- i. Papan iklan premis perniagaan

**(iv) 2 Bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Dobi
- e. Papan iklan premis perniagaan

**(v) 1 Bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Papan iklan premis perniagaan

**(vi) 1 Hingga 3 Orkid**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Tempat letak kereta
- c. Papan iklan premis perniagaan

**Hotel Apartment**

**(vii) 5 bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- e. Restoran / *coffee house*
- f. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- g. Tempat letak kereta
- h. Dobi
- i. *Health club* / gimnasium / sauna / kemudahan *outdoor* dan *indoor*
- j. Papan iklan premis perniagaan

**(viii) 4 bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Bar
- c. *Lounge*
- d. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- e. Restoran / *coffee house*
- f. Kolam renang untuk kanak-kanak dan dewasa
- g. Tempat letak kereta
- h. Dobi
- i. Papan iklan premis perniagaan

**(ix) 3 bintang**

- a. Hotel / Rumah Tumpangan
- b. Aktiviti pementasan / persembahan hiburan
- c. Tempat letak kereta
- d. Dobi
- e. Papan iklan premis perniagaan

**CONTOH BORANG PERMOHONAN LESEN PERNIAGAAN**

**MAJLIS BANDARAYA/PERBANDARAN/DAERAH  
BORANG PERMOHONAN BAGI LESEN PERNIAGAAN**

**PENERANGAN**

Borang ini hendaklah diisi dengan terang (**dengan huruf besar**) dan dikembalikan beserta dokumen-dokumen berikut :


1. Memorandum dan Perkara Persatuan Bagi Syarikat (*Memorandum and Articles of Association*), Borang 9 (*Certificate of Incorporation A Private Company*) dan Borang 49 (*Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Changes of Particulars*) mengikut Akta Syarikat 1965 (Akta 125);

**ATAU**

Borang A (Pendaftaran Perniagaan) atau Borang B (Pendaftaran Perubahan Dalam Perniagaan) dan Borang D (Sijil Akuan Pendaftaran Perniagaan) mengikut Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197);

2. 1 salinan pelan lokasi premis;
3. 1 lakaran rekabentuk bagi setiap papan iklan premis perniagaan yang dicadangkan;
4. Surat perjanjian atau kebenaran tuan bangunan (jika bukan bangunan sendiri); dan
5. 1 salinan kad pengenalan ataupun pasport.

**BAHAGIAN I : BUTIR-BUTIR PEMOHON DAN SYARIKAT**



1.	Nama Pemohon	:	.....
2.	No. Kad Pengenalan	:	.....
3.	No. Pasport	:	.....
4.	Warganegara	:	.....
5.	Bangsa	:	.....
6.	Jawatan Dalam Syarikat	:	.....
7.	Nama dan Alamat Syarikat	:	..... ..... .....
8.	No. Pendaftaran Syarikat	:	.....
9.	No. Telefon Syarikat	:	.....
10.	No. Faks Syarikat	:	.....



**BAHAGIAN II : BUTIR-BUTIR PERMOHONAN**

**A. PERNIAGAAN HOTEL**

1.	Nama dan Alamat Hotel	:	..... ..... .....
2.	* Taraf Bintang Hotel	:	.....
3.	No. Tel	:	.....
4.	No. Faks	:	.....

*\* Sertakan salinan sijil akuan dari Kementerian Pelancongan jika ada.*

Bil.	Aktiviti Perniagaan	Unit	Nama Perniagaan	Lokasi	Keluasan

## B. LAIN-LAIN PERNIAGAAN

1.	Alamat Premis Perniagaan	:	.....
			.....
			.....
2.	No. Tel	:	.....
3.	No. Faks	:	.....
4.	* Jenis Premis	:	.....

\* Rumah Kedai / Kompleks Membeli-Belah / Lain-Lain (Nyatakan).

Bil.	Aktiviti Perniagaan	Unit	Nama Perniagaan	Lokasi	Keluasan

## C. IKLAN PERNIAGAAN

Bil.	* Jenis Iklan	Unit	Tajuk Iklan	Saiz

\* Iklan Tidak Berlampu / Iklan Berlampu / Lain-Lain (Nyatakan).

**BAHAGIAN III : PENGAKUAN PEMOHON**

Dengan ini saya ..... mengaku  
**(nama pemohon)**  
dan mengesahkan bahawa semua maklumat yang tercatat di dalam borang ini  
dan lampiran-lampiran yang disertakan adalah benar belaka.

.....  
Tandatangan Pemohon dan  
Cop Syarikat / Perniagaan

Jawatan : .....

Tarikh : .....

**BAHAGIAN IV : UNTUK KEGUNAAN RASMI**

**A. SEMAKAN**

1. Permohonan ini diterima oleh: ..... pada .....
2. \* Permohonan :

Lengkap

Tidak Lengkap

\* Tandakan (√)

**B. KEPUTUSAN**

1. Permohonan diluluskan / ditolak oleh Jawatankuasa Pelesenan dalam mesyuaratnya pada : .....

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan  
dan Cop Jabatan

Tarikh : .....

**Lampiran 6 (a)**

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : ASL Hotel Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : The Heritage City Hotel  
Alamat Hotel : Bandar Hilir, Melaka  
Taraf Hotel : 5 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 2 Jun 2008

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Dewan Pementasan Bagi Aktiviti Hiburan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Salon Kecantikan
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku, Poskad, Filem, Rokok, Ubat dan Cenderamata
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : YSM Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Princess  
Alamat Hotel : Subang Jaya, Selangor  
Taraf Hotel : 4 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 19 Julai 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Dewan Pementasan Bagi Aktiviti Hiburan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku, Poskad, Filem, Rokok, Ubat dan Cenderamata
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Centerpoint Properties Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Centerpoint  
Alamat Hotel : Petaling Jaya, Selangor  
Taraf Hotel : 3 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 8 Ogos 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Kedai Menjual Surat Khabar, Buku dan Poskad
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**Lampiran 6 (d)**

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Mentari Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Sinaran  
Alamat Hotel : Muar, Johor  
Taraf Hotel : 2 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 4 April 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen :</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Cempaka Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Sri Cempaka  
Alamat Hotel : Besut, Terengganu  
Taraf Hotel : 1 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Mei 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Tempat Letak Kereta
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen :</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:



**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Nilai Utama Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Sri Nilai  
Alamat Hotel : Nilai, Negeri Sembilan  
Taraf Hotel : Hotel Apartment 5 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Mei 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	<i>Health Club / Gimnasium / Sauna / Kemudahan Outdoor dan Indoor</i>
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Mawar Wangi Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Purnama  
Alamat Hotel : Sepang, Selangor  
Taraf Hotel : Hotel Apartment 4 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 25 Ogos 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Bar
	<i>Lounge</i>
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Restoran / <i>Coffee House</i>
	Kolam Renang Untuk Kanak-Kanak dan Dewasa
	Tempat Letak Kereta
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**Lampiran 6 (h)**

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Sejahtera Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Kita  
Alamat Hotel : Bentong, Pahang  
Taraf Hotel : Hotel Apartment 3 Bintang  
Lesen Ini Sah Sehingga : 1 Disember 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Tempat Letak Kereta
	Aktiviti Pementasan / Persembahan Hiburan
	Dobi
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop:

**CONTOH  
CADANGAN LESEN KOMPOSIT HOTEL**

Nama Pemegang Lesen : Pelangi Sdn. Bhd.  
Nama Hotel : Hotel Bayu  
Alamat Hotel : Kuantan, Pahang  
Taraf Hotel : Hotel Orkid  
Lesen Ini Sah Sehingga : 22 Januari 2007

<b>Aktiviti-Aktiviti :</b>	Hotel / Rumah Tumpangan
	Tempat Letak Kereta
	Papan Iklan Premis Perniagaan
	Lain-Lain
<b>Bayaran Lesen</b>	

.....  
Tandatangan Pegawai Pelesenan

Tarikh : .....

Cop: